

Utusan Malaysia, 28 Mei 2009

BPA Malaysia lancar jadual senarai kedudukan pasaran bon

KUALA LUMPUR 27 Mei - Bond Pricing Agency Malaysia Sdn Bhd (BPA Malaysia) hari ini melancarkan 'BPA Malaysia League Tables', jadual senarai kedudukan pasaran bon Malaysia yang menyeluruh.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Meor Amri Meor Ayob berkata, jadual itu akan menyenarai dan menyiarkan jadual yang berdasarkan kepada penerbit bon terbesar, bon paling cergas diniagakan dan kedudukan pemegang amanah bon.

"Ia merupakan laporan suku tahunan dan akan menjadi rujukan bernilai bagi penerbit, perantara, pelabur, media, penyelidik dan pengawal atur," katanya pada pelancaran jadual itu di sini hari ini.

Beliau berkata, jadual tersebut dijangka mendapat sambutan kerana pasaran bon setakat ini tidak mempunyai jadual menyeluruh.

"Penerbit dan peserta bon kini boleh melihat di mana kedudukan mereka dari segi prestasi dan populariti," katanya.

Ditubuhkan pada 2004, BPA Malaysia merupakan sebuah agensi penetapan bon berdaftar yang diberi pengiktirafan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. - BERNAMA